



Sastera Islam: Satu Perbandingan antara Pandangan Mohd. Affandi dengan Abu al-Hasan Ali al-Nadwi

RAHMAH AHMAD H. OSMAN *Universiti Islam Antarabangsa
Malaysia, Malaysia*

MOHD SHAHRIZAL NASIR *Universiti Sultan Zainal Abidin
Terengganu, Malaysia*

Abstrak Makalah ini membincangkan takrifan dan pandangan tentang “Sastera Islam” oleh dua orang tokoh iaitu Mohd. Affandi Hassan dengan Abu al-Hasan Ali al-Nadwi. Kedua-dua orang tokoh ini yang mewakili dunia kesusasteraan Melayu dan Arab, telah berusaha menjelaskan pengertian sastera Islam menurut pandangan masing-masing. Walaupun keduanya hidup dalam suasana yang berbeza, namun keduanya diikat oleh ikatan akidah Islamiah yang ditunjangi oleh wahyu Ilahi, sepertimana yang termaktub dalam al-Qur’an dan Sunnah. Selain itu, faktor pendesak atau *push factor* kepada tercetusnya usaha mereka untuk memperjelaskan pengertian sastera Islam adalah berbeza. Justeru, adalah wajar untuk membandingkan kedua-dua tokoh ini bagi melihat di manakah titik pertembungan idea mereka tentang sastera Islam. Analisis mendapati bahawa terdapat tiga persamaan yang ketara antara pandangan Mohd. Affandi dan al-Nadwi tentang sastera Islam iaitu; (a) penekanan terhadap mesej atau perutusan dalam sesebuah karya sastera Islam, (b) penekanan bahawa sastera harus mempunyai kaitan dengan kehidupan, dan (c) pengiktirafan terhadap sastera klasik yang dilihat secara jelas memanfaatkan seni sastera dalam menyampaikan ilmu kepada khalayak masyarakat.

Kata kunci Sastera Islam; Abu al-Hassan Ali al-Nadwi; Mohd. Affandi Hassan; faktor pendesak

Pendahuluan

Jika disoroti sejarah perkembangan sastera Islam di Malaysia, istilah “Sastera Islam” telah mula bertapak apabila agama Islam masuk ke Tanah Melayu (Nurazmi, 1991: 11-12). Kedatangan Islam ke Tanah Melayu telah membawa bersamanya karya-karya Islam yang akhirnya diminati oleh masyarakat di Tanah Melayu. Apabila Islam telah mula diterima, maka beberapa perubahan telah berlaku dalam adat, ke-

perpercayaan dan kesusasteraan Melayu. Perubahan ini selaras dengan tuntutan Islam yang menolak sebarang unsur syirik iaitu yang bercanggah dengan kepercayaan kepada Allah sebagai Tuhan yang layak disembah. Hasilnya, sejak perubahan yang melibatkan dunia kesusasteraan Melayu dan Islam, maka telah berlaku penjenamaan baru terhadap kesusasteraan Melayu. Penjenamaan semula dari segi nama ini seperti *Sastera Peralihan Hindu-Islam*, *Sastera Melayu Pengaruh Islam*, *Sastera Melayu Berunsur Islam*, dan juga yang mutakhir ialah *Sastera Islam* (Nurazmi, 1991: 12).

Fenomena Sastera Islam mula kelihatan secara jelas sekitar tahun 1970an yang mempunyai kaitan rapat dengan gerakan “dakwah” di Malaysia (Ungku Maimunah, 1989: 288). Walau bagaimanapun, Sastera Islam sebenarnya telah mengundang polemik yang besar dalam kalangan sarjana kesusasteraan Melayu. Masing-masing berusaha memberi takrifan sastera Islam berdasarkan pengamatan dan hujahan tersendiri. Pada peringkat awal, percanggahan pendapat mengenai sastera Islam ini telah dibicarakan oleh beberapa orang sarjana seperti Muhammad Kamal Hassan, Ismail Ibrahim, Lutfi Abas, Shahnun Ahmad, Ismail Hamid, Muhammad Uthman El Muhammady, Shafie Abu Bakar, Sidi Ghazalba, Yusof Zaky Yaakob dan Hashim Musa (Nurazmi, 1991: 21). Sekitar tahun 1990, Mohd. Affandi Hassan turut terlibat dalam membicarakan perihal Sastera Islam dengan menulis beberapa buah esei kritis yang menekankan elemen *tauhid* dalam penghasilan karya sastera. Terdapat perbezaan pendapat dalam kalangan beberapa orang sarjana tentang maksud Sastera Islam. Ini disebabkan faktor pendesak (*push factor*) yang dilihat menurut kaca mata masing-masing. Oleh itu, makalah ini memilih untuk mengkaji pandangan Mohd. Affandi Hassan (seterusnya Mohd. Affandi) tentang sastera Islam. Pemilihan ini dibuat berdasarkan penelitian yang menunjukkan bahawa beliau merupakan antara sarjana yang memperjuangkan “Islam” dalam kesusasteraan Melayu secara kolektif, iaitu dari sudut teori dan praktisnya. Penghuraian tentang idea awalnya yang terkandung dalam buku *Pendidikan Estetika daripada Pendekatan Tauhid*, seterusnya penjaan sebuah gagasan yang diberi nama gagasan *Persuratan Baru* menjadi asas pemilihan pandangan Mohd. Affandi tentang sastera Islam untuk dibincangkan dalam makalah ini.

Dalam dunia kesusasteraan Arab pula, sastera Islam bukan satu perkara baru. Sastera Islam telah muncul sejak Islam menyinari bumi Semenanjung Tanah Arab. Sastera diiktiraf sebagai antara wadah penting untuk menyebarkan dakwah Islamiah. Namun, pada zaman kesusasteraan Arab moden, terdapat beberapa pendapat janggal berkaitan makna sastera atau *al-adab* dalam dunia kesusasteraan Arab. Antaranya merujuk kepada pendapat Taha Husayn, seorang pengkritik sastera Arab dari Mesir. Menurut Taha Husayn, sastera atau *al-adab* khususnya pada zaman Umayyah tiada kaitan dengan agama. Menurut beliau, pada zaman Abbasiyah, prosa Arab serta seni kritikan sastera turut dimaksudkan sebagai *al-adab*. Keadaan ini disebabkan oleh beberapa faktor seperti perluasan bidang penulisan dan pertambahan golongan intelektual dalam masyarakat Arab pada ketika itu (Husayn, 1991: 28). Daripada pendapat ini, secara jelas, Taha Husayn melihat bahawa sastera atau *al-adab* pada kurun ke-2, ke-3 dan ke-4 Hijrah hanya memberi maksud puisi dan prosa serta yang berkaitan dengan keduanya (Husayn, 1991: 29). Inilah antara bentuk penyelewengan yang telah berlaku dalam dunia kesusasteraan Arab yang dipengaruhi oleh pemikiran Orientalis Barat.¹ Penafian sastera atau *al-adab* sebagai satu

wadah penting dalam penyebaran dakwah Islam dan ilmu pengetahuan telah dinafikan sama sekali. Sastra hanya difokuskan kepada karya sastra semata-mata tanpa mengakui bahawa ia juga mengandungi intipati yang besar dan bermanfaat. Seperti yang diketahui umum Taha Husayn telah berguru dengan beberapa orang tokoh Orientalis antaranya Carlo Alfonso Nallino (1872-1938) yang berasal dari Itali.

Pendapat Taha Husayn ini boleh dikira sebagai penguat kepada pendapat sesetengah pihak yang menyatakan bahawa karya sastra yang dikaitkan dengan agama akan bersifat jumud kerana keterikatannya dengan ketetapan-ketetapan agama. Hakikatnya, pendapat seperti ini bertujuan memberi kebebasan yang sepenuhnya kepada para karyawan untuk menghasilkan karya sastra menurut cakupan minda dan nafsu sendiri. Keadaan inilah yang akhirnya menyuburkan penghasilan karya sastra yang menjurus kepada keseronokan serta kosong daripada intipati yang bermanfaat untuk masyarakat. Malah, terdapat segelintir penulis yang menggunakan karya sastra mereka untuk menyebarkan ideologi masing-masing serta tidak kurang yang menggunakan kata-kata kesat dan lujah dalam karya mereka. Jika fenomena sebegini dibiarkan berleluasa, seni sastra boleh membawa masyarakat ke arah kefasikan dan kemungkaran. Sewajarnya, keadaan ini diubah dengan menggantikan keadaan tersebut dengan elemen-elemen yang memperlihatkan keindahan Islam khususnya dalam karya-karya penulis Islam. Kemasukan unsur agama dalam seni sastra sebenarnya tidak sedikit pun meng-hilangkan kekuatan dan keindahan karya sastra tersebut.

Bertitik-tolak dari sini, dapat dikatakan bahawa tomahan yang dilontarkan oleh segelintir para Orientalis Barat mahupun golongan pengkritik Arab seperti Taha Husayn, yang menyatakan bahawa jika sastra itu dikaitkan dengan agama maka ia akan menjadi sempit dan jumud, perlu ditolak secara tuntas. Sorotan ringkas berkaitan fenomena yang berlaku dalam dunia kesusasteraan Arab ini menjadi asas utama kepada perjuangan para cendekiawan Arab memartabatkan sastra Islam. Antara tokoh-tokoh yang berjuang untuk memartabatkan Sastra Islam di persada dunia seperti Sayyid Qutb, Muhammad Qutb, Najib al-Kilani, Imad al-Din al-Khalil, Abd al-Rahman Ra'fat Basha, dan juga Shaykh Abu al-Hasan Ali al-Nadwi (seterusnya al-Nadwi).

Dalam makalah ini, perbincangan akan tertumpu kepada idea al-Nadwi tentang Sastra Islam. Pemilihan al-Nadwi dan pandangannya tentang sastra Islam bagi perbincangan dalam makalah ini adalah amat signifikan. Selain banyak menulis esei-esei berbentuk eceran dalam majalah-majalah berorientasikan sastra, al-Nadwi turut giat menulis buku berbentuk ilmiah yang khusus membicarakan sastra Islam. Posisi al-Nadwi sebagai pengasas dan bekas pengerusi pertama Pertubuhan Sastra Islam Sedunia (*Rabitah al-Adab al-Islami al-Alamiyah*) juga mengukuhkan sebab pemilihan al-Nadwi bagi perbincangan tentang Sastra Islam dalam makalah ini.

Berdasarkan sorotan ringkas tentang fenomena Sastra Islam di Malaysia dan Timur Tengah, makalah akan menumpukan perbincangan tentang pandangan dua orang tokoh iaitu Mohd. Affandi yang mewakili dunia kesusasteraan Melayu dan al-Nadwi yang mewakili dunia kesusasteraan Arab. Perbincangan ini dilihat mampu memberi gambaran sejauh mana istilah Sastra Islam itu dijelaskan oleh para sarjana sebagai kelompok yang berjuang bagi memperjelas dan memperkukuhkan pemahaman masyarakat tentang Sastra Islam. Selain itu, perbandingan antara dua tokoh

ini bertujuan untuk membuat perbandingan khususnya bagi melihat titik persamaan mereka tentang pengertian Sastera Islam menurut kaca mata masing-masing. Bahagian seterusnya akan dimulakan dengan melihat latar belakang Mohd. Affandi dan al-Nadwi.

Latar Belakang Mohd. Affandi

Mohd. Affandi berasal dari negeri Kelantan Darul Naim.² Beliau dilahirkan pada 9 Mac 1940 di Kampung Seberang Pasir, Kelantan. Mohd. Affandi menjalani kehidupan awalnya dalam suasana yang tidak berada. Oleh sebab itu, beliau agak lewat menerima pendidikan formal iaitu ketika berumur 10 tahun. Beliau telah mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Pasir Mas, Kelantan. Seterusnya, beliau menuntut di Penang Free School, Pulau Pinang. Di peringkat yang lebih tinggi, Mohd. Affandi mendapat ijazah Sarjana Muda dari Universiti Malaya dalam bidang Pengajian Melayu pada tahun 1968. Pada tahun 1972, beliau memperolehi Diploma dalam bidang Pentadbiran Awam dari Universiti Malaya. Berbekalkan semangat yang tinggi untuk menimba ilmu pengetahuan, beliau telah menyambung pengajian di peringkat ijazah Sarjana di University of Essex pada tahun 1977. Kecenderungannya untuk mendalami bidang agama, menyebabkan beliau berusaha mendapatkan pendidikan formal mengenainya sehingga melayakkan beliau menerima Diploma dalam Pengajian Islam pada tahun 1981. Bukan setakat itu sahaja, beliau juga sebenarnya telah menghadiri beberapa kelas pengajian peringkat Doktor Falsafah di School of Oriental and African Studies (SOAS) di University of London. Namun, hasrat untuk menggenggam ijazah kedoktoran tersebut terpaksa dilupakan atas faktor kewangan.

Berdasarkan sorotan sejarah pendidikan formal Mohd. Affandi, jelas membuktikan bahawa beliau telah mendapat pendidikan yang tinggi dalam bidangnya. Dengan kata lain, kelayakan akademik Mohd. Affandi tidak boleh disangkal sama sekali. Namun, faktor kewangan yang menjadikan cita-citanya untuk mendapat PhD terpaksa dilupakan. Sebenarnya, minat Mohd. Affandi terhadap ilmu amat tinggi. Ini dibuktikan dengan aktiviti kegemarannya iaitu membaca buku. Malah sejak kecil, beliau telah terdedah dengan karya-karya klasik yang penting seperti buku tulisan Pendeta Za'ba. Kesungguhannya untuk mendapatkan buku-buku bermutu yang mahal memberi petunjuk bahawa beliau sangat cintakan ilmu. Beliau pernah bekerja secara sambilan ketika masih belajar, hanya kerana ingin memiliki buku-buku yang diminatinya. Sejak usianya 12 tahun, beliau amat menggemari tulisan seorang kolumnis dalam akhbar *Utusan Kanak-kanak* bernama Muhammad Sallehuddin. Menurut Mohd. Affandi, tulisan Muhammad Sallehuddin memberi pedoman berguna dalam kehidupannya. Tulisan Muhammad Sallehuddin yang berorientasikan semangat motivasi, banyak mendidik Mohd. Affandi menjadi insan yang mempunyai keyakinan diri yang tinggi dan bersikap positif, lebih-lebih lagi dalam menjalani kehidupannya yang serba kekurangan. Secara umum, boleh dikatakan bahawa tulisan-tulisan Muhammad Sallehuddin telah mencorak pemi-kiran Mohd. Affandi semasa usia kecilnya. Malah, usaha Muhammad Sallehuddin yang giat menyampaikan idea atau pemikiran kepada pembaca turut memberi satu aspirasi kepada Mohd. Affandi untuk menjadi seorang penulis hebat yang mampu mencerdikkan para pembaca.

Dari segi pengalaman kerjayanya, Mohd. Affandi memulakan perkhidmatannya sebagai pegawai tadbir dan diplomatik (PTD). Beliau pernah bertugas sebagai PTD di beberapa buah Pejabat Daerah seperti di Lipis dan Termerloh, Pahang. Selain itu, beliau juga pernah berkhidmat di beberapa buah kementerian seperti Kementerian Penerangan (1968-1971), Kementerian Kerja Raya, Kementerian Pelajaran (1972-1973), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (1973-1975), MAMPU Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pertanian, Jabatan Rukun Tetangga (1980-1984) dan Institut Tadbir Awam Negara (INTAN) (1984-1995). Sesuatu yang penting untuk diperkatakan di sini, ketika Mohd. Affandi berkhidmat sebagai penjawat awam, terutama ketika berkhidmat di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, banyak kerja-kerja berbentuk ilmiah telah diusahakannya. Antaranya ialah mengendalikan siri "Syarahan Tun Seri Lanang", projek penulisan *Ensiklopedia Budaya*, program kursus penulisan kreatif, menganjurkan Seminar Kritikan Sastera, menerbitkan buku kenang-kenangan untuk Pendeta Za'ba, projek rancangan lagu-lagu puisi, dan juga program nilai dan etika dalam perkhidmatan awam. Kesemua usaha Mohd. Affandi ini mencerminkan semangat gigihnya untuk melahirkan masyarakat yang celik ilmu serta mengutamakan ilmu, walaupun beliau tidak terlibat secara langsung dalam dunia pendidikan.

Rentetan daripada kerja-kerja itu, Mohd. Affandi telah menterjemahkan usaha murninya ke dalam bentuk penulisan ilmiah. Beliau telah memperkenalkan konsep "Pengurusan dengan Syura" dan "Pentadbiran Berteraskan Islam" pada tahun 1978. Buat pertama kalinya, Mohd. Affandi telah menghasilkan buku ilmiahnya berjudul *Pengurusan dengan Syura dalam Pelaksanaan Perkhidmatan Awam: Satu Huraian Definitif Tentang Falsafah dan Perlaksanaan Etika Perkhidmatan Awam dalam Pentadbiran Awam Malaysia* yang diterbitkan oleh Jabatan Perdana Menteri Malaysia pada tahun 1980. Selain itu, Mohd. Affandi juga telah menghasilkan sebuah buku yang membicarakan soal pengurusan menurut Islam berjudul *Pendekatan Tawhid dalam Pengurusan dan Pentadbiran Awam: Konsep, Prinsip dan Model Alternatif* yang diterbitkan oleh INTAN pada tahun 1989. Selain itu, tulisan-tulisan Mohd. Affandi tentang pengurusan Islam telah dikumpul dan dimuatkan dalam sebuah buku berjudul *Risalah Pentadbiran Islam: 1984-1989*, yang diterbitkan oleh INTAN pada tahun 1990.

Dalam bidang kesusasteraan pula, antara buku Mohd. Affandi yang terpenting bertajuk *Pendidikan Estetika daripada Pendekatan Tauhid* yang telah diterbitkan pada tahun 1992 oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.³ Sebenarnya, buku ini memuatkan idea permulaan Mohd. Affandi tentang Sastera Islam, seterusnya dikukuhkan dengan lahirnya gagasan *Persuratan Baru*. Mohd. Affandi juga telah menghasilkan sebuah buku bertajuk *Medan-medan dalam Sistem Persuratan Melayu* pada tahun 1994. Tulisan-tulisan Mohd. Affandi yang termuat dalam buku ini merupakan artikel-artikel beliau yang telah tersiar secara bersiri dalam majalah Dewan Sastera antara Mac hingga Mei 1991. Tulisan-tulisan ini merupakan sanggahan Mohd. Affandi terhadap syarahan perdana Prof. Muhammad Haji Salleh tentang persuratan Melayu. Yang terkini, Mohd. Affandi telah menghasilkan sebuah buku bertajuk *Gagasan Persuratan Baru: Pengenalalan dan Penerapan* yang telah diterbitkan oleh ATMA, Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 2008. Buku yang mengupas idea gagasan *Persuratan Baru* ini, turut memuatkan tulisan-tulisan dua orang ahli akademik yang menyokong usaha Mohd. Affandi iaitu Prof. Dr. Ungku Maimunah Mohd. Tahir dari Universiti Ke-

bangsaan Malaysia dan Prof. Madya Dr. Mohd. Zariat Abdul Rani dari Universiti Putra Malaysia.

Dalam bidang penulisan karya kreatif, Mohd. Affandi telah menghasilkan beberapa buah cerita pendek dan novel. Selain mendapat pengiktirafan daripada hasil tulisannya di dalam negara, karya beliau juga pernah menjadi pilihan di luar negara, iaitu apabila menjadi teks pilihan bagi mata pelajaran bahasa dan sastera Melayu di Singapura. Antara kumpulan cerita pendek Mohd. Affandi ialah *Matinya Seorang Pahlawan* (1971), *Le Mosque* (1974), *Mimpi Rakyat* (1985), *Pura Bujangga* (1990), *Tenggelam di Laut China* (1994), *Bukan Ahli UMNO/Bukan Salah SSB* (1998), dan yang terakhir *Biarlah Orang Tahu* (2005). Untuk karya kreatif bentuk novel pula ialah *Aligupit* (1993), dan *Pujangga Melayu* (1997). Novel *Pujangga Melayu* merupakan gabungan empat buah novel beliau iaitu *Jejak Warisan* (1993), *Citra Pujangga* (1995), *Tampang Sasterawan* (1996), dan *Wajah Pendeta* (1996). Berdasarkan sorotan ringkas ini, secara jelas ia menunjukkan penglibatan Mohd. Affandi secara aktif dalam usaha membawa kesusasteraan Melayu ke arah jalan Islam. Pandangan Mohd. Affandi berkaitan Sastera Islam bukan sahaja dilontarkan melalui teori semata-mata, tetapi lebih daripada itu, ia telah dipraktikkan dalam karya-karya kreatif nukilannya.

Latar Belakang al-Nadwi

Al-Nadwi merupakan seorang pemimpin, pemikir, pendakwah dan pada masa yang sama adalah seorang karyawan. Beliau dilahirkan pada 6 Muharam 1333 Hijri bersamaan 23 November 1914 Masihi di sebuah kampung bernama Takiah Kilan (al-Ghuri, 2005: 146). Al-Nadwi berasal daripada sebuah keluarga berketurunan Arab. Susur-galur nasab keturunannya sampai kepada Hassan bin Ali, iaitu cucuanda Rasulullah. Menjadi pengetahuan umum, al-Nadwi merupakan tokoh yang dipandang tinggi dari segi ilmu pengetahuannya. Kemuliaan al-Nadwi bukan sahaja diterima daripada masyarakat sekelilingnya, malah beliau turut dikagumi dan disegani oleh masyarakat dunia secara amnya.

Nama penuh al-Nadwi ialah Abu al-Hasan Ali al-Hasani al-Nadwi. Keterangan berikut menjelaskan secara terperinci nama penuh beliau serta gelaran yang diguna olehnya (al-Ghuri, 2005: 133). "Abu al-Hasan" adalah gelaran al-Nadwi yang tidak dapat dipastikan sama ada ia telah diberikan oleh bapanya atau dipilih oleh dirinya sendiri. Manakala nama "Ali" merupakan nama asalnya yang diberi oleh bapanya. Nama "al-Hasani" adalah nisbah yang disandarkan kepada Hassan bin Ali, iaitu cucuanda Rasulullah. Susur galur keturunan al-Nadwi yang sampai kepada nasab cucuanda Rasulullah ini adalah daripada sebelah bapanya, manakala nasab keturunan yang sampai kepada Husayn bin Ali adalah daripada sebelah ibunya (al-Ghuri, 2005: 134). Manakala nama "al-Nadwi" adalah nisbah kepada institusi Dar al-Ulum iaitu sebuah pusat keilmuan bagi para alim ulama' di India.

Al-Nadwi dibesarkan dalam keluarga yang amat mementingkan ilmu pengetahuan dan agama. Keturunannya dikenali sebagai sebuah keturunan yang mulia serta berpegang teguh kepada prinsip-prinsip Islam, kuat pegangan akidah, memanfaatkan setiap masa dengan perjuangan meninggikan agama Allah, mempertahankan agama serta memelihara keperibadian selaras dengan tuntutan Islam. Bapanya seorang ulama' besar bernama al-Sayyid Abd al-Hay bin Fakhr al-Din al-Hasani.

Beliau merupakan pengarang kitab masyhur berjudul *Nuzhah al-Khawatir* dan *Bahjat al-Masami* (Tariq, 1421H: 7). Ibu al-Nadwi pula seorang pendidik, penulis, dan penyair di samping memiliki kelebihan menghafal al-Qur'an (Tariq, 1421H: 7). Dari pada maklumat ringkas ini, dapat dilihat bahawa al-Nadwi membesar dalam lingkungan individu yang berpegang kuat kepada ajaran Islam. Oleh itu, dapat dibuat kesimpulan awal bahawa didikan Islam yang kuat dalam diri al-Nadwi ini, akhirnya menyebabkan beliau amat mementingkan dakwah serta berjuang ke arah memartabatkan Islam dari segenap bidang termasuk bidang sastera.

Dari sudut pendidikan, al-Nadwi telah memulakan pendidikan awalnya di rumah dan di masjid. Beliau belajar membaca huruf-huruf *hijaiyah* serta belajar membaca buku-buku dalam bahasa Urdu (al-Ghuri, 2005: 151). Pada peringkat yang lebih tinggi, al-Nadwi telah melanjutkan pengajiannya di Universiti Lakhore pada awal bulan Ogos tahun 1927 bagi mendalami bidang kesusasteraan Arab. Pada ketika itu, umur al-Nadwi belum mencapai 14 tahun dan merupakan pelajar termuda di universiti berkenaan (al-Ghuri, 2005: 160). Daripada maklumat ini, secara jelas ia menunjukkan bahawa al-Nadwi amat meminati bidang sastera Arab. Atas minat yang tinggi inilah akhirnya mendorong al-Nadwi untuk terus memperjuangkan sastera Islam sehingga akhir hayatnya.

Berdasarkan penerangan mengenai latar belakang ringkas al-Nadwi di atas, secara jelas ia menggambarkan keperibadian mulia yang dimiliki oleh al-Nadwi sejak dari zaman kecil sehingga ke akhir hayatnya. Perkara ini dikuatkan dengan pandangan beberapa orang tokoh Islam terhadap al-Nadwi. Antaranya, Sayyid Qutb menyatakan bahawa:

"...Abu al-Hasan al-Nadwi seperti mana yang saya kenali dari sudut keperibadiannya dan tulisannya, saya mendapati bahawa dalam dirinya terdapat sekeping hati dan akal Muslim, saya mengenalinya sebagai seorang lelaki yang hidup dengan Islam dan untuk Islam, beliau bergerak atas asas pemahaman yang tepat mengenai Islam, kesemuanya ini adalah satu penyaksian yang saya buat kerana Allah." (al-Ghuri, 2005: 7).

Manakala seorang lagi tokoh besar dalam bidang dakwah Islam iaitu Shaykh Yusuf al-Qaradawi menyatakan bahawa:

"Pendawah besar iaitu Shaykh Abu al-Hasan 'Ali al-Nadwi ialah seorang tokoh, seorang umat yang patuh, berpegang kepada manhaj salaf, tokoh ilmu yang mengamalkan ilmunya, tokoh yang sempurna, seorang yang zuhud serta sentiasa bermujahadah, pemilik buku-buku yang hebat, dan tulisan-tulisan yang hebat, serta pemberi ucapan yang bermanfaat, perlakuan beliau tidak pernah menyalahi apa yang beliau katakan, dirinya memenuhi ciri-ciri golongan salaf, ahli tasawuf, orang yang bermazhab mahu pun yang tidak bermazhab, dirinya memiliki ciri-ciri golongan yang memiliki pengetahuan mengenai ilmu Islam silam dan kontemporari, sesungguhnya kata-katanya menjadi persetujuan semua, beliau disayangi kerana kebenarannya, keikhlasannya semata-mata kerana Allah, serta jauh daripada kepentingan peribadi, keutamaan sendiri, serta ketaksuban jahiliah..." (al-Ghuri, 2005: 8).

Begitulah pandangan dua orang tokoh Islam tentang keperibadian al-Nadwi. Seterusnya, perkara yang lebih penting ialah untuk mengetahui sumbangan penulisan yang telah ditinggalkan oleh al-Nadwi. Jumlah karya al-Nadwi mencecah 300 tajuk yang kebanyakannya ditulis dalam bahasa Arab. Antara karya-karya al-Nadwi ialah *Madha Khasara al-Alam bi Inkhitat al-Muslimin* (Apakah Kerugian Dunia Dengan Kelemahan Muslimin), *Ila al-Islam min Jadid* (Ke Arah Islam Dari Perspektif Baru), *Idha Habbat Rih al-Iman* (Jika Bertiup Angin Keimanan), *al-Tariq ila al-Madinah* (Jalan Ke Kota), *Rijal al-Fikr wa al-Da'wah fi al-Islam* (Pemuda Intelektual Dan Dakwah kepada Islam), *Sirat Khatim al-Nabiyin li al-Atfal* (Sejarah Rasul Terakhir untuk Kanak-kanak), *Nazarat fi al-Adab* (Pandangan Tentang Sastera), dan *Fi Masirat al-Hayah* (Di Jalan Kehidupan). Kesemua karya-karya al-Nadwi berkisar tentang perjuangannya bagi memastikan masyarakat kembali kepada Islam.

Al-Nadwi kembali ke rahmatullah pada hari Juma'at, 23 Ramadan 1420 Hijri bersamaan 31 Disember 1999 Masihi (Tariq, 1421H: 9). Latar belakang al-Nadwi ini perlu diketahui dan difahami dengan jelas agar konsep Sastera Islam dari kaca mata beliau dapat dirungkai dengan tepat. Hakikatnya, penghormatan yang tinggi wajar diberikan kepada al-Nadwi bagi menghargai segala jasa dan pengorbanan besarnya terhadap Islam, terutama yang berkaitan dengan sastera Islam. Secara langsung dapat diperhatikan bahawa al-Nadwi telah menafkahkan sebahagian besar daripada hidupnya untuk Islam dan sastera Islam.

Sastera Islam dari Kaca Mata Mohd. Affandi

Pada asasnya, pandangan Mohd. Affandi berkaitan Sastera Islam boleh dilihat secara jelas menerusi bukunya berjudul *Pendidikan Estetika daripada Pendekatan Tauhid*. Pandangan Mohd. Affandi dalam buku ini seterusnya menjadi asas kepada munculnya gagasan *Persuratan Baru* yang dilihat sebagai pemantapan pandangannya terhadap sastera Islam. Secara praktisnya, *Persuratan Baru* membezakan antara ilmu dan cerita (Ungku Maimunah, 2009: 68). Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa dalam dunia kesusasteraan Melayu, kedua-dua perkara ini tidak dibezakan sama sekali, malah dilihat sebagai sesuatu yang sinonim. Inilah antara faktor pendesak (*push factor*) yang menyebabkan Mohd. Affandi mengetengahkan ideanya tentang sastera Islam yang dijelaskan menerusi gagasan *Persuratan Baru*. Sepatutnya, ilmu diletakkan pada kedudukan yang lebih tinggi daripada cerita kerana ia adalah pengungkapan idea, buah fikiran, hujahan, bahasan dan sebagainya (Ungku Maimunah, 2010: 2). Namun begitu, hal ini tidak menafikan kewujudan cerita dalam sesebuah karya, asalkan ianya tidak memonopoli ruang naratif karya tersebut. Malah jika elemen-elemen penceritaan seperti watak, plot, latar dan sebagainya dimanfaatkan secara wajar, cerita merupakan wadah berguna untuk menyerlahkan ilmu (Ungku Maimunah, 2010: 3). Justeru, adalah bertepatan jika karya yang memberi prioriti kepada ilmu dan pengungkapan idea tidak disama-tarafkan dengan karya yang mengutamakan cerita dan bermatlamat membikin dan membangunkan cerita semata, bukannya membina, menghujah dan menyampaikan idea atau ilmu. Di sinilah terserlahnya idea gagasan *Persuratan Baru* yang mencerminkan pandangan kritis Mohd. Affandi terhadap Sastera Islam, iaitu sastera yang selari dengan garis panduan Islam. Usaha menyerlahkan ilmu secara tuntas dalam karya sastera inilah

yang dilihat sejajar dengan tuntutan Islam yang amat menitik-beratkan soal ilmu pengetahuan yang benar, apatah lagi yang bersumberkan wahyu Ilahi. Hanya dengan ilmu yang benar, khalayak pembaca dan masyarakat secara umumnya akan terpandu untuk mengenali Pencipta Yang Maha Esa. Perkara ini bertepatan dengan tujuan penciptaan manusia di atas muka bumi ini iaitu untuk mengenali Pencipta dan sujud menyembah-Nya. Firman Allah di dalam al-Qur'an yang bermaksud: "Dan (Ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepada-Ku." (Surah al-Dhariat, ayat 56). Selain itu, hanya dengan ilmu yang benar, segala amalan baik akan diterima dan tidak akan menjadi sia-sia, begitulah jika sebaliknya. Setiap amalan yang dilakukan oleh manusia tidak terlepas daripada penilaian Allah, termasuklah amalan atau kegiatan menulis karya sastera. Perkara ini dijelaskan oleh Allah di dalam al-Qur'an yang maksudnya: "Maka sesiapa berbuat kebajikan seberat zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam surat amal-nya). Dan sesiapa berbuat kejahatan seberat zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam surat amal-nya)." (Surah al-Zalzalah, ayat 7-8). Oleh sebab hujah-hujah inilah, Mohd. Affandi bangkit dengan pandangannya yang kritis melalui gagasan *Persuratan Baru*.⁴

Berbalik kepada buku *Pendidikan Estetika daripada Pendekatan Tauhid*, hakikatnya ia mengupas pandangan awal Mohd. Affandi tentang perlunya sastera Islam dimanfaatkan dalam sistem pendidikan negara. Karya-karya terbaik dunia seharusnya dimanfaatkan sebaik mungkin dalam sistem pendidikan negara agar setiap individu memperoleh manfaat daripada cabang sastera, bermula dari peringkat sekolah. Namun, Mohd. Affandi menekankan bahawa pemanfaatan sastera dalam pendidikan haruslah berdasarkan perspektif Islam yang ditunjangi oleh asas tauhid (Mohd. Affandi, 2005: 4). Menurut Mohd. Affandi lagi, pendidikan estetika bermaksud pendidikan adab dalam pengajaran sastera yang merangkumi tiga aspek kehidupan manusia iaitu; rohani, jasmani dan akal (Mohd. Affandi, 2005: 9). Harus ditekankan di sini bahawa ketiga-tiga aspek ini sememangnya ditekankan oleh Islam. Malah perkara-perkara yang menjadi asas dalam *al-maqasid al-shar'iyah* iaitu objektif yang diletakkan oleh syarak dalam mensyariatkan hukum, kesemuanya berlegar pada tiga aspek tersebut.

Idea untuk menerapkan Sastera Islam ke dalam sistem pendidikan negara bermula apabila Mohd. Affandi melihat berlaku salah faham dalam kalangan masyarakat tentang pengertian Sastera Islam. Dalam kalangan penulis karya sastera yang secara terang melabel karya mereka sebagai sebahagian daripada hasil karya sastera Islam, namun dari segi pemikiran, hujah, analisis, perwatakan, kesemuanya mencerminkan sesuatu yang agak asing dengan Islam (Mohd. Affandi, 2005: 3). Hasilnya, apa yang digambarkan oleh para penulis ini dalam karya mereka, dilihat sebagai sesuatu yang janggal dengan Islam, malah menggambarkan unsur-unsur negatif terhadap Islam seperti jumud dan sempit. Keadaan ini merupakan satu masalah besar yang mesti ditangani dengan serius agar masyarakat tidak terus ditipu oleh bentuk luaran yang dicerminkan sebagai Islamik, namun hakikatnya, ia terkeluar daripada ruang lingkup Islam yang *syumul* (menyeluruh). Menerusi pendekatan tauhid dalam sastera, Mohd. Affandi memberi penekanan terhadap tiga perkara asas yang harus difahami dengan betul iaitu; 'hakikat insan' (*the nature of man*), 'hakikat ilmu' (*the nature of knowledge*), dan 'hakikat serta fungsi sastera' (*the nature and functions of literature*) (Mohd. Affandi, 2005: 4).

Sastera Islam daripada Pendekatan Tauhid

Mohd. Affandi menegaskan bahawa pendidikan estetika meneliti karya sastera dari segi maknanya yang mampu membentuk manusia yang hidup dalam keadaan beradab (Mohd. Affandi, 2005: 11). Makna itu pula dilihat dari dua sudut iaitu *makna dari segi struktur luaran* dan juga *makna dari segi perutusan*. Perutusan di sini menjurus kepada penelitian terhadap isi, falsafah, mesej, moral dan sebagainya yang terdapat dalam karya sastera. Bahagian inilah yang mencirikan kebenaran menurut pendekatan tauhid sepertimana yang digariskan oleh Islam. Dengan kata lain, sebenarnya sastera Islam lebih menumpukan aspek perutusan yang dibawa oleh karya sastera kerana bahagian inilah yang akan memberi impak positif dalam kehidupan manusia. Namun, keadaan ini tidak menafikan kepentingan struktur luaran dalam karya sastera Islam kerana keindahan sesebuah karya sastera juga dipengaruhi oleh aspek luaran atau disebut oleh Mohd. Affandi sebagai makna dari sudut struktur. Sudut makna struktur ini yang akan menampakkan keindahan karya tersebut, manakala sudut persuratannya menampakkan kebenaran yang dibawa oleh karya. Penelitian dan keperihatinan penulis terhadap kedua-dua elemen makna inilah yang dimaksudkan oleh Mohd. Affandi sebagai pendidikan adab dalam pengajaran sastera (Mohd. Affandi, 2005: 11). Kesepaduan antara kedua-dua makna ini juga yang menentukan sesebuah karya sastera itu mampu memberi kesan kepada jiwa dan akal pembacanya. Berikut dijelaskan ketiga-tiga perkara asas yang menjadi tunggak pendekatan tauhid dalam pendidikan sastera; iaitu (i) hakikat insan, (ii) hakikat ilmu dan alam, (iii) hakikat sastera dan fungsi sastera.

(i) Hakikat Insan

Menurut Mohd. Affandi, setiap manusia khususnya para penulis dan karyawan, harus menyedari hakikat ini. Mereka harus sedar bahawa manusia merupakan makhluk ciptaan Allah yang telah diciptakan dengan sebaik-baik kejadian. Kemuliaan dan keistimewaan yang dimiliki oleh manusia, didatangkan bersamanya tanggungjawab yang besar iaitu sebagai hamba Allah dan juga khalifah di muka bumi (Mohd. Affandi, 2005: 15). Manusia diciptakan dengan fitrah kebaikan yang menghiasi diri. Namun, hanya tauhid yang mampu menjaga fitrah suci tersebut daripada sebarang bentuk kerosakan. Oleh sebab itu, tauhid merupakan elemen penting dalam Islam serta ia menjamin kebahagiaan hidup manusia di akhirat kelak. Keistimewaan manusia juga jelas kelihatan dengan pemberian kebebasan untuk memilih kebaikan atau pun keburukan, namun segalanya telah diberi persediaan (Mohd. Affandi, 2005: 16). Dengan kata lain, manusia dipersiapkan dengan fitrah kebaikan, namun akhirnya mereka diberi kebebasan untuk memilih yang baik atau yang buruk, dan mereka bertanggungjawab sepenuhnya ke atas pilihan mereka. Firman Allah yang bermaksud: "*Sesiapa yang mengerjakan amal soleh, maka faedahnya akan terpulang kepada dirinya sendiri; dan sesiapa yang berbuat kejahatan, maka bahayanya akan menimpa dirinya sendiri.*" (Surah al-Jathiyah, ayat 15).

Selain itu, Mohd. Affandi turut menjelaskan bahawa manusia harus bersedia untuk berhadapan dengan cabaran-cabaran yang sebenarnya menjadi kayu ukur terhadap kejayaan mereka. Manusia berdepan dengan nafsu dan kejahatan yang dibekalkan dalam diri, selain daripada syaitan yang sentiasa berusaha untuk menye-

satkan manusia (Mohd. Affandi, 2005: 18). Kedua-dua cabaran ini, jika tidak ditangani dengan cara yang terbaik, ianya berupaya untuk membuatkan manusia lupa terhadap dua peranan mereka iaitu sebagai hamba Allah dan khalifah-Nya di muka bumi. Hanya manusia yang berjaya melepasi kedua-dua cabaran ini, akan memperolehi kejayaan hakiki (*al-falah*) di akhirat. Jika dikaitkan dengan topik sastera Islam yang dibincangkan, hakikat yang pertama ini memberi peringatan yang jelas kepada para penulis atau pengkarya bahawa setiap tindak-tanduk mereka tidak lari daripada perhitungan Allah. Kerja-kerja yang dilakukan oleh para penulis menyumbang ke arah kejayaan atau kerugian mereka di akhirat nanti. Dengan kata lain, para penulis seharusnya sedar bahawa setiap perilaku mereka tidak terlepas daripada perhitungan Allah. Mereka diberi pilihan sama ada untuk menulis perkara-perkara yang baik atau pun sebaliknya. Apa yang penting, mereka bertanggungjawab ke atas setiap pilihan mereka.

(ii) Hakikat Ilmu dan Amal

Perkara asas yang kedua ialah hakikat ilmu dan amal. Menurut Mohd. Affandi, hanya ilmu yang benar akan menjadi asas kepada amal yang diterima Allah (Mohd. Affandi, 2005: 19). Amalan yang dilakukan dengan asas ilmu yang salah, akan membuatkan pelakunya tidak mendapat apa-apa kebaikan. Peri pentingnya melakukan sesuatu amalan dengan ilmu yang benar ini, telah dijelaskan oleh Allah dalam firman-Nya yang bermaksud: *“Dan janganlah kamu mengikut apa yang kamu tidak mempunyai pengetahuan mengenainya; sesungguhnya pendengaran dan penglihatan serta hati, semuanya itu tetap akan ditanya tentang apa yang dilakukannya.”* (Surah al-Isra', ayat 36).

Selain itu, Mohd. Affandi menjelaskan bahawa ilmu itu diperolehi dari tiga sumber iaitu akal, pengalaman, dan wahyu (Mohd. Affandi, 2005: 20). Seperti yang telah dimaklumi bahawa wahyu itu bersifat tetap (*thabat*). Adakalanya, ilmu yang bersumberkan wahyu itu tidak dapat dibuktikan dengan logik akal. Keadaan ini menunjukkan akal manusia itu amat terbatas dan panduan Ilahi menerusi wahyu amat diperlukan oleh manusia untuk mengetahui sesuatu perkara. Apa yang penting untuk ditegaskan di sini ialah kesemua ilmu yang diperolehi seharusnya menjadikan manusia mengenali Allah selaku penciptanya (Mohd. Affandi, 2005: 20). Justeru, jika manusia semakin berilmu, maka sewajarnya mereka akan semakin tunduk mengakui kekerdilan diri dan mengakui keagungan Allah. Mengakui keagungan Allah bermaksud mengharap keredhaannya dan merasa takut terhadap kemurkaan Allah. Keadaan ini secara langsung, menjadikan amalan golongan ini selari dengan ketetapan Allah. Inilah kaitan rapat antara ilmu dan amal yang menjadi asas utama pandangan Mohd. Affandi tentang pendidikan sastera berasaskan pendekatan tauhid. Perkara ini dijelaskan oleh Allah dalam firman-Nya yang bermaksud: *“Sebenarnya yang menaruh bimbang dan takut (melanggar perintah) Allah dari kalangan hamba-hamba-Nya hanyalah orang-orang yang berilmu.”* (Surah Fatir, ayat 28).

Berkaitan dengan amal, Allah secara jelas telah memberi amaran bahawa para penulis atau pengkarya seharusnya melaksanakan setiap apa yang diungkapkannya. Keadaan ini secara jelas menunjukkan kepentingan amal termasuk dalam bidang sastera. Firman Allah yang bermaksud: *“Dan ahli-ahli syair itu, diturut oleh golongan yang sesat, tidak berketentuan hala. Tidakkah kamu melihat bahawa mereka merayau-rayau dengan tidak berketentuan hala dalam tiap-tiap lembah (khayal dan angan-angan kosong)?*

Dan bahawa mereka memperkatakan apa yang mereka tidak melakukannya? Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh (dari kalangan penyair-penyair itu), dan mereka pula mengingati Allah banyak-banyak, serta mereka membela diri sesudah mereka dianiaya.” (Surah al-Shu'ara', ayat 224-227).

(iii) Hakikat dan Fungsi Sastera

Pada hakikat ini, Mohd. Affandi mengaitkannya dengan dua hakikat sebelum ini iaitu hakikat insan dan hakikat ilmu dan amal (Mohd. Affandi, 2005: 22-23). Sebelum meneliti huraian berkaitan hakikat dan fungsi sastera, perlu dijelaskan hubungan antara hakikat insan dan hakikat ilmu dan amal khususnya yang melibatkan penulis karya sastera. Hakikat insan menerangkan tanggungjawab setiap individu seperti penulis yang memikul amanah dalam dirinya. Sebagai contoh, penulis memikul amanah tersendiri apabila menggunakan penanya (*qalam*). Mereka harus sedar bahawa setiap apa yang mereka tulis akan dipertanggungjawabkan ke atasnya. Justeru, penggunaan pena oleh penulis karya mesti dihubungkan dengan ilmu yang benar. Dengan kata lain, penulis seharusnya menggunakan penanya untuk tujuan menyampaikan ilmu pengetahuan. Ilmu pengetahuan yang benar di sini, bermaksud ilmu yang mampu membawa manusia agar membaca dan memahami ayat-ayat (tanda-tanda kekuasaan) Allah (Mohd. Affandi, 2005: 23). Keadaan seperti ini bakal melahirkan para pembaca mengakui keagungan Allah. Inilah hakikat dan fungsi sastera menurut kerangka Islam.

Dalam menerangkan aspek ketiga ini, Mohd. Affandi secara jelas mengkritik sesetengah penulis yang terikut-ikut dengan konsep kreativiti Barat yang mengutamakan sesuatu karya sastera yang bersifat subjektif dan peribadi (Mohd. Affandi, 2005: 24). Konsep Barat ini dilihat sebagai satu konsep yang jumud dan sempit kerana ia mengutamakan khayalan, imaginatif, rekaan dan beberapa lagi. Keadaan ini amat bertentangan dengan garis panduan yang ditetapkan oleh Islam. Apabila konsep Barat tadi mementingkan sesuatu yang bersifat peribadi, maka ia akan membawa kekeliruan, dan tertumpu kepada usaha memuaskan nafsu dan emosi semata-mata (Mohd. Affandi, 2005: 24). Oleh sebab itu, sastera Barat hanya mementingkan aspek luaran, tanpa memberi keutamaan kepada aspek dalaman atau disebut sebagai makna persuratan di awal perbincangan tadi.

Secara khusus, Mohd. Affandi menjelaskan bahawa, kesusasteraan itu merupakan sejenis amal menurut Islam (Mohd. Affandi, 2005: 25). Beliau menyatakan bahawa fungsi kesusasteraan dalam Islam ialah untuk menghasilkan karya yang indah dan bermakna. Dengan kata lain, keadaan ini menunjukkan bahawa Islam amat mementingkan kesempurnaan bagi kedua-dua bahagian sastera, iaitu bahagian luaran dan maknanya atau persuratannya. Inilah yang dimaksudkan oleh Mohd. Affandi sebagai fungsi estetik (keindahan luaran) dan fungsi intelek (keindahan makna atau persuratan) dalam sastera (Mohd. Affandi, 2005: 25). Ketika membicarakan aspek ketiga ini dalam bukunya, Mohd. Affandi dilihat memberikan beberapa contoh ayat al-Qur'an bagi menjelaskan keindahan luaran dan maknanya. Pemilihan kata-kata bagi mengungkap sesuatu makna, dilihat amat bersesuaian dengan konteks ayat tersebut. Menurut Mohd. Affandi, ayat-ayat al-Qur'an tersebut merupakan contoh jelas tentang keindahan luaran dan makna yang menjadi hakikat dan fungsi sastera Islam (Mohd. Affandi, 2005: 28). Dalam bidang kesusasteraan Melayu,

Mohd. Affandi mengiktiraf syair-syair Hamzah Fansuri sebagai antara karya sastera yang memberi penekanan terhadap makna atau persuratannya (Mohd. Affandi, 2005: 28). Mohd. Affandi juga secara jelas menyatakan bahawa pengaruh Islam dalam sastera Melayu klasik amat ketara dan mendalam. Ini secara langsung menunjukkan bahawa Mohd. Affandi bersetuju dengan pendapat V.I. Braginsky yang memanfaatkan hasil kajian Syed Muhammad Naquib al-Attas, bahawa hampir semua sastera Melayu klasik menekankan soal keindahan (estetika), yang mempunyai kaitan rapat dengan konsep tauhid (Mohd. Affandi, 2005: 32).

Sebenarnya, ketiga-tiga hakikat inilah yang menjadi teras falsafah kepada gagasan *Persuratan Baru* janaan Mohd. Affandi. Di peringkat teoritikal, *Persuratan Baru* mengutarakan satu pegangan yang kukuh bertunjangkan tiga hakikat ini dan disimpulkan melalui konsep *taklif*. Konsep ini menjelaskan bahawa manusia sentiasa bertanggungjawab ke atas apa juga yang mereka lakukan, selagi mereka bergelar insan. Keadaan ini berdasarkan janji taat setia manusia sejak azali kepada Tuhan yang mencipta bahawa mereka mengakui keesaan-Nya dan tidak akan menyembah selain daripada-Nya. Janji ini menjadi hujah bahawa setiap perbuatan manusia akan dinilai oleh Allah di akhirat kelak. Maksud “perbuatan” di sini meliputi apa juga tindak-tanduk manusia termasuk aktiviti mengarang karya sastera. Dalam mengajukan kerangka *Persuratan Baru*, Mohd. Affandi tidak berhenti setakat menerangkan kerangka tersebut di peringkat teori atau falsafah sahaja, beliau kemudiannya menawarkan beberapa pemahaman lanjut dari segi praktikalnya. Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, dari sudut praktikal, Mohd. Affandi dengan tegas menyatakan bahawa ilmu dan cerita itu adalah dua entiti yang berbeza. Oleh itu, dapat dilihat bahawa *Persuratan Baru* menawarkan satu kaedah jelas bagi mengenal pasti sama ada sesebuah karya itu menjadikan pembikinan cerita sebagai prinsip utamanya yang seterusnya mendominasi “ruang naratif” karya sastera, atau pun menjadikan ilmu atau idea sebagai sesuatu yang dominan dalam ruang naratif tersebut.⁵ Dalam *Persuratan Baru*, cerita tetap wujud namun ia hanyalah wadah untuk mengetengahkan ilmu atau idea. Untuk tujuan mengetengahkan ilmu atau menjadikannya sebagai sesuatu yang dominan dalam sesebuah karya, *Persuratan Baru* mengetengahkan pula konsep *wacana*. Perlu ditegaskan di sini bahawa, *wacana* bukan sekadar longgokan maklumat yang dimuatkan dalam karya. Mohd. Affandi menjelaskan definisi *wacana* seperti berikut:

“Wacana adalah pemikiran berasaskan maklumat yang disaring daripada sejumlah maklumat yang telah dimatangkan oleh pemikiran berasaskan konsep ilmu tertentu... wacana adalah hujah-hujah ilmiah yang digunakan untuk menjelaskan sesuatu persoalan sehingga dapat dirumuskan ke dalam kesimpulan tertentu” (Mohd. Affandi, 2004: 54).

Mohd. Affandi menjelaskan bahawa ilmu seharusnya menentukan jalan cerita sesuatu karya sastera. Dengan kata lain, instrumen-instrumen cerita seperti watak, perwatakan, plot, latar dan sebagainya, kesemuanya ditentukan oleh ilmu, bukan sebaliknya. Perkara inilah yang diperjuangkan oleh Mohd. Affandi dalam gagasannya. Hal ini kerana, dunia kesusasteraan Melayu dilihat tidak membezakan antara ilmu dengan cerita. Malah kedua-duanya telah disenyawakan, seterusnya menjadi-

kan masyarakat semakin kabur untuk membezakan antara ilmu dan cerita. Apa yang berlaku, masyarakat dihadang dengan cerita yang mendominasi ruang naratif karya, seterusnya menenggelamkan ilmu atau idea utama yang ingin disampaikan oleh penulis karya tersebut.

Sastera Islam Menurut al-Nadwi

Al-Nadwi menjelaskan dalam bukunya *Sastera Islam dan Kaitannya dengan Kehidupan*, bahawa Sastera Islam itu tidak dianggap sempit kecuali bagi mereka yang secara jelas menyifatkan Islam itu sebagai agama yang sempit (al-Nadwi, 1985: 6). Sesungguhnya kehidupan Islam itu sempurna, sepertimana yang ditunjukkan oleh kehidupan Rasulullah yang menjadi gambaran contoh terbaik. Di sini, boleh dikenal-pasti faktor pendesak (*push factor*) yang menyebabkan al-Nadwi begitu serius memperjuangkan Sastera Islam. Salah tanggapan dalam kalangan masyarakat bahawa sastera akan menjadi jumud jika dimasukkan elemen Islam menyebabkan masyarakat memisahkan antara agama dan sastera. Perkara ini merupakan satu masalah besar apabila para karyawan tidak mengikat dirinya yang bertanggungjawab menyampaikan ilmu melalui penulisan mereka, lantas merasakan mereka berhak menulis apa sahaja yang dirasakan bersesuaian dan menepati citarasa masing-masing meskipun ia melepasi batasan yang digariskan agama. Masalah inilah yang cuba diselesaikan oleh al-Nadwi menerusi kerangka Sastera Islam yang dibentuknya.

Jika disoroti takrifan Sastera Islam yang telah dinyatakan oleh beberapa orang tokoh, dapat dilihat bahawa ianya mempunyai persamaan. Sayyid Qutb menjelaskan bahawa Sastera Islam bermaksud satu ungkapan yang berkaitan dengan pengalaman perasaan mengenai gambaran kehidupan (Qutb, T.th: 87). Bagi Muhammad Qutb pula, sastera Islam bermaksud satu ungkapan yang indah tentang cakerawala, kehidupan dan manusia daripada *tasawur* Islam tentang cakerawala, kehidupan dan manusia (Qutb, T.th: 6). Manakala 'Abd al-Rahman Ra'fat al-Basha menjelaskan bahawa sastera Islam ialah ungkapan seni yang indah dan berobjektif tentang realiti kehidupan, cakerawala, dan manusia menurut naluri penulis, menerusi ungkapan yang berasaskan *tasawur* Islam tentang Pencipta dan sekalian makhluk ciptaan-Nya, dan ia tidak ketandusan dengan nilai-nilai Islam (al-Basha, 1998: 113). Berdasarkan beberapa takrifan ini, terdapat kemungkinan al-Nadwi telah mengambil kira takrifan yang diusulkan oleh Sayyid Qutb dan Muhammad Qutb dalam menjelaskan *mafhum* (pengertian) Sastera Islam. Jika dilihat kepada pengertian Sastera Islam yang dinyatakan oleh Pertubuhan Sastera Islam Sedunia, iaitu sebuah pertubuhan yang pernah dipengerusikan oleh al-Nadwi, ia merupakan gabungan idea tentang Sastera Islam yang telah diberikan oleh tokoh-tokoh seperti yang dijelaskan sebelum ini. Pertubuhan Sastera Islam Sedunia menjelaskan bahawa Sastera Islam ialah satu ungkapan seni yang berobjektif tentang kehidupan dan cakerawala yang berlandaskan *tasawur* Islam.⁶ Daripada penelitian ringkas tentang takrifan Sastera Islam, satu kesimpulan awal tentang pra-syarat utama untuk menjadikan sesebuah karya menepati ciri-ciri sastera Islam ialah seperti berikut:

(i) **Keindahan karya.** Tidak dapat dinafikan bahawa keindahan sesebuah ungkapan merupakan antara asas penting bagi sesebuah karya seni, termasuklah karya seni yang berunsurkan Islam.

(ii) **Berobjektif.** Perkara ini merupakan antara pra-syarat utama bagi sesebuah karya Sastera Islam. Ia berkait rapat dengan isi yang terkandung di dalam karya tersebut. Sesungguhnya, setiap perkara dalam Islam mempunyai nilainya tersendiri. Ia bukan untuk tujuan keseronokan yang jauh daripada sebarang bentuk faedah dan manfaat.

(iii) **Prinsip agama.** Sastera Islam adalah sastera yang bertunjangkan prinsip agama. Ia tidak seperti fahaman yang dibawa oleh golongan Sosialisme dan Existensialisme. Sastera Islam berpaksikan prinsip Islam dari pelbagai sudut iaitu nilai, *tasawwur*, prinsip asas dan objektif utama (al-Basha, 1998: 114). Sastera Islam juga merupakan sejenis sastera tanggungjawab yang menjadikan peraturan Islam sebagai teras utama. Paksi utama dalam Islam ini seharusnya didokong oleh jiwa Muslim yang sejati iaitu bersandarkan al-Qur'an. Justeru, keadaan ini tidak boleh disamakan dengan golongan Existensialisme dan lain-lain (al-Basha, 1998: 114).

(iv) **Prinsip moral.** Sastera Islam adalah sastera yang amat menitik-beratkan soal moral. Ia haruslah berpaksikan prinsip moral Islam yang mementingkan kesopanan. Sebenarnya, penekanan terhadap prinsip agama dan moral inilah yang membezakan Sastera Islam dengan yang lain. Jika perkara ini tidak diusahakan, maka sastera akan berorientasikan hawa nafsu yang menyesatkan dan membawa kepada unsur negatif (al-Kilani, T.th: 32).

(v) **Dakwah ke arah penyatuan umat.** Jika setiap penulis karya akan menceritakan perihal kelompok masyarakatnya dalam karya masing-masing, maka penulis karya Islam lebih utama untuk menceritakan perihal umatnya. Paparan mengenai masalah yang melanda umat perlu dijelaskan beserta dengan jalan penyelesaian agar ia dapat dijadikan panduan dalam kehidupan umat Islam.

Perkara-perkara yang dijelaskan ini merupakan antara syarat-syarat bagi penghasilan sebuah karya Sastera Islam yang bermutu tinggi. Jika kesemua syarat ini dipenuhi oleh para penulis karya, maka karya tersebut layak dikategorikan sebagai karya Sastera Islam. Sepertimana yang telah dijelaskan sebelum ini, Sastera Islam merupakan antara wadah terbaik bagi menyebarkan dakwah Islamiah. Sebenarnya, Sastera Islam tidak hanya tertumpu kepada khutbah dan kisah-kisah para Nabi sahaja, bahkan ia turut mencakupi aspek sejarah, keperihal, perbualan, penggambaran, dan juga ungkapan yang memberi kesan serta bersifat indah. Perkara ini meliputi seni prosa dan puisi yang memberi pemahaman jelas mengenai sesuatu isu, serta mencerminkan kebenaran yang berlaku dalam kehidupan manusia serta kejadian cakerawala (al-Nadwi, 1985: 21).

Jika penghasilan karya sastera dibuat dengan menggunakan prinsip selain Islam dan dengan tujuan untuk menyebarkan kesesatan dan kerosakan, maka wajib bagi penulis Muslim untuk menggunakan wadah Sastera Islam untuk menangkisnya.

Sastera Islam dimanfaatkan untuk menyebarkan kebaikan serta menyeru manusia ke arah kebaikan. Inilah antara perkara yang telah diperjuangkan oleh al-Nadwi sebagai seorang pendakwah. al-Nadwi telah membuat gesaan secara terbuka tentang keperluan memurnikan sastera menurut landasan yang telah ditetapkan oleh Islam. Keadaan ini menjadikan al-Nadwi terus memperjuangkan Sastera Islam agar umat Islam memahami situasi yang berlaku dalam dunia Islam hari ini. al-Nadwi menggesa agar semua tokoh-tokoh Islam khususnya yang terlibat secara langsung dalam bidang kesusasteraan agar bersama-samanya dalam perjuangan memartabatkan Sastera Islam sebagai satu wadah dakwah yang berkesan. Dengan kata lain, Sastera Islam pada hakikatnya mampu menaikkan imej Islam serta menzahirkan kekuatan Islam. Selain itu, Sastera Islam dapat menyerlahkan *tasawwur* yang tepat tentang Islam.

Apabila meneliti beberapa buah kitab karangan al-Nadwi khususnya yang membahaskan perihal Sastera Islam, terdapat beberapa perkara penting yang perlu diambil perhatian bagi memahami pengertian sebenar Sastera Islam menurut al-Nadwi. Daripada analisis ringkas yang dibuat, dapat dinyatakan bahawa perkara-perkara berikut merupakan ciri-ciri asas Sastera Islam menurut pandangan al-Nadwi.

(i) Hubungan Sastera dengan Kehidupan

Al-Nadwi menjelaskan bahawa sastera adalah perumpamaan bagi kehidupan dan gambaran mengenainya. Sastera memberi gambaran kepada masyarakat tentang peristiwa yang berlaku dalam kehidupan. Ia dipersembahkan dalam bentuk yang indah dan memberi kesan terhadap perkara yang ditimbulkan. Selain itu, sastera memberi gambaran mengenai cakerawala dan kehidupan dalam pelbagai bentuk. Apabila melakarkan sesuatu peristiwa dalam kehidupan, maka ia merupakan sebuah karya yang baik dan dihasilkan oleh pengkarya yang mahir (al-Nadwi, 1985: 2). Dari sini, jelas menunjukkan bahawa sastera tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan manusia. Bahkan dengan sastera, pelbagai masalah boleh dirungkai dan diselesaikan. Sebenarnya, sastera juga dapat membantu dalam meningkatkan taraf hidup masyarakat dalam pelbagai sudut seperti sosial, ekonomi, pendidikan, politik dan sebagainya. Dengan kata lain, sastera seharusnya memberi faedah kepada manusia dan bukan satu bentuk omongan kosong ataupun khayalan fantasi. Justeru, ikatan sastera dengan kehidupan akan menyerlahkan faedah sastera secara lebih jelas.

Sastera berfungsi sebagai perakam kepada peristiwa yang berlaku dalam kehidupan. Ia memaparkan sesuatu peristiwa sebenar iaitu dengan kata lain, sastera bukan satu khayalan yang tidak boleh diterima akal fikiran yang waras. Walaupun sesuatu peristiwa itu telah berlalu, namun mesej yang dibawa oleh karya tersebut tetap kekal sepertimana keadaan yang sebenar (al-Nadwi, 1985: 17). Sebagai contoh, karya sastera Jahiliah telah memainkan peranan penting sebagai perakam peristiwa sejarah yang berlaku dalam kehidupan masyarakat ketika itu. Jika karya sastera pada zaman Jahiliah memiliki fungsinya yang penting, maka sastera Islam harus lebih berfungsi daripada itu. Justeru, al-Nadwi menjelaskan bahawa sastera Islam adalah sastera yang mencakupi aspek kehidupan manusia yang luas. Keluasan skop perbincangan tentang situasi yang berlaku dalam kehidupan menerusi seni sastera akan terus berkembang sebagaimana kepesatan perkembangan hidup manusia. Hakikatnya, masyarakat akan dapat merasai kesan sesuatu peristiwa yang berlaku di

tempat lain melalui penghayatan karya sastera, walaupun ianya tidak dialami oleh mereka sendiri (al-Nadwi, 1985: 18).

Dari sudut yang lain pula, melalui sastera, manusia dapat merasai setiap keadaan yang berlaku dalam kehidupan serta mengambil pengajaran berguna daripadanya. Pengajaran yang diperolehi daripada karya sastera ini kadangkala memberi makna dan kesan yang lebih mendalam daripada penyaksian dan pengalaman dalam realiti kehidupan. Keadaan ini berbalik kepada peranan sastera yang mampu memberi kesan positif dalam jiwa dan minda masyarakat melalui susunan perkataan dan mesej jelas dan benar yang dibawa oleh karya tersebut.

(ii) Hubungan Sastera dengan Islam

Apabila membincangkan perkara ini, al-Nadwi telah mengaitkan peranan bahasa Arab dalam memahami ajaran Islam. Penjelasan ini menunjukkan peri pentingnya bahasa Arab sebagai pembawa mesej Islam. Di sini, perlu diteliti satu persoalan iaitu bagaimana seorang penulis yang berhasrat untuk menyampaikan dakwah Islam melalui penghasilan karya sastera, mampu untuk berbuat demikian dengan keadaannya yang tidak mempunyai ilmu tentang Islam? Dengan kata lain, sebenarnya al-Nadwi menggesa para penulis karya Sastera Islam untuk memahami ajaran Islam dengan tepat, demi menjanjikan hasil karya yang berfaedah dan selari dengan ajaran Islam.

Tidak dapat dinafikan bahawa bahasa Arab memainkan peranan yang penting dalam proses penyebaran dakwah Islam. Bahasa Arab telah diiktiraf sebagai bahasa utama umat Islam. Beberapa ayat al-Qur'an telah jelas memberi gambaran tentang peranan yang dimainkan oleh bahasa Arab serta ketinggian martabatnya berbanding dengan bahasa lain. Firman Allah yang bermaksud: "*Sesungguhnya Kami menurunkan Kitab itu sebagai al-Qur'an yang dibaca dengan bahasa Arab, supaya kamu (menggunakan akal untuk) memahaminya.*" (Surah Yusuf, ayat 2). Begitu jelas penerangan Allah tentang keistimewaan bahasa Arab yang dipilih sebagai bahasa al-Qur'an. Jika seorang penulis karya itu memahami isi al-Qur'an yang mencakupi segenap perkara berkaitan kehidupan, maka pada ketika itu, dia akan mampu untuk menghasilkan sebuah karya seni yang menggambarkan *tasawwur* Islam secara tepat dan kolektif.

Memang benar bahawa bahasa Arab adalah bahasa utama bagi umat Islam. Bahasa yang dapat menyatukan umat Islam yang terdiri daripada lapisan masyarakat yang pelbagai warna, bentuk dan keturunan. Tetapi perlu juga menjadi ingatan, bahawa umat Islam yang jumlahnya amat besar ini, memiliki bahasa mereka yang tersendiri. Mereka menggunakan bahasa ibunda masing-masing dalam kehidupan seharian. Justeru, penekanan terhadap kepentingan bahasa Arab bukanlah bermaksud kesemua karya Sastera Islam mesti diungkap menggunakan bahasa Arab. Sebenarnya persepsi ini harus diperbetulkan kerana Islam tidak pernah sesekali memaksa para penulis karya Sastera Islam untuk menggunakan bahasa Arab. Sesungguhnya Islam mengiktiraf kewujudan bahasa lain serta peranannya yang tersendiri. Oleh itu, Sastera Islam memberi kebenaran yang luas kepada para penulis untuk menghasilkan karya dengan menggunakan apa juga jenis bahasa. Jika Sastera Islam diwajibkan menggunakan bahasa Arab, maka sudah pasti faedah yang terdapat dalam karya tersebut tidak dapat dimanfaatkan oleh mereka yang tidak menguasai bahasa Arab. Hakikatnya, kepelbagaian bahasa yang terdapat di muka bumi ini

merupakan antara tanda-tanda kekuasaan Allah. Perkara ini dijelaskan menerusi firman-Nya yang bermaksud: *“Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaan dan kebijaksanaan-Nya ialah kejadian langit dan bumi, dan perbezaan bahasa kamu dan warna kulit kamu.”* (Surah al-Rum, ayat 22).

Selain itu, al-Nadwi turut menjelaskan bahawa Islam bukan satu agama yang hanya menumpukan aspek ibadat semata-mata. Islam tidak menggesa umatnya untuk mementingkan akhirat semata-mata dan meninggalkan kepentingan dunia secara mutlak. Sebaliknya, Islam adalah agama yang menggesa umatnya agar sama-sama mengejar faedah dan bahagian masing-masing sama ada bagi kehidupan di dunia, lebih-lebih lagi untuk kehidupan di akhirat. Firman Allah yang bermaksud: *“Dan tuntutanlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah kamu melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia.”* (Surah al-Qasas, ayat 77). Justeru, hal ini menyangkal pendapat yang mengatakan bahawa Sastera Islam hanya terhad kepada perkara-perkara yang melibatkan soal ibadat semata-mata. Sebenarnya, setiap karya sastera mampu membawa mesej Islam. Hal ini kerana mesej Islam bersifat fitrah dan ia bukan satu ideologi yang jumud dan kompleks. Islam memberi panduan terhadap segenap aspek yang mencakupi setiap perkara dalam kehidupan seharian manusia. Oleh itu, dari sudut Sastera Islam, sesebuah karya itu tidak akan dikatakan indah jika ia tidak menyelesaikan masalah-masalah dalam kehidupan dan tidak memberi sebarang manfaat untuk kehidupan duniawi dan ukhrawi (al-Nadwi, 1985: 19).

(iii) Sastera Islam adalah sastera yang luas

Seperti yang telah dibincangkan sebelum ini, Sastera Islam ialah sastera yang mampu untuk menampung keperluan hidup manusia. Sastera Islam memaparkan gambaran sebenar sebuah kehidupan yang bersifat realiti. Namun, Sastera Islam tidak mengetepikan aspek keindahan luaran sesebuah karya, malah keindahan luaran turut membantu dalam menjadikan Sastera Islam itu terus berfungsi. Menurut al-Nadwi, Sastera Islam mencakupi semua perkara sama ada yang berkaitan dengan perasaan suka dan duka, marah dan redha, tangisan dan ketawa, suka dan benci, kesengsaraan dan kenikmatan, logik dan perasaan, hikmah dan permainan dan banyak lagi (al-Nadwi, 1985: 21). Keadaan ini menunjukkan bahawa Sastera Islam bukan hanya memaparkan perkara yang indah dan positif sahaja, malah ia turut memaparkan isu yang negatif dan buruk sifatnya, tetapi masih dalam batasan yang ditetapkan oleh Islam (al-Nadwi, 1985: 21). Pemaparan isu negatif dalam karya Sastera Islam adalah bertujuan agar manusia mengambil pengajaran dan iktibar daripadanya. Perlu ditegaskan di sini, perkara negatif yang termuat dalam karya Sastera Islam, semestinya tidak dihidangkan secara terperinci kerana tujuannya bukan untuk melihat keburukan tersebut tetapi untuk mengambil pengajaran daripadanya.

Jelaslah di sini bahawa Sastera Islam itu bersifat luas dan menyeluruh. Kesemuanya dipaparkan bagi memberi manfaat dan pengajaran untuk manusia. Faedah yang diperolehi daripada karya sastera menjadi objektif utama bagi Sastera Islam. Justeru, apa sahaja bentuk karya yang menyentuh soal Islam serta dipenuhi dengan pengajaran yang menepati ajaran Islam, maka ianya adalah sebahagian daripada Sastera Islam. Inilah yang membuktikan bahawa Islam bersifat fitrah dan dekat de-

ngan naluri manusia. Islam bukan satu ajaran yang bersifat retorik, tetapi ia merupakan satu panduan berguna yang memandu kehidupan ke arah kebaikan. Perlu ditegaskan di sini bahawa keterbukaan Sastera Islam dalam membincangkan segenap hal kehidupan haruslah sentiasa disandarkan kepada batasan yang termaktub dalam al-Qur'an dan Sunnah. Oleh itu, adalah wajar bagi setiap penulis untuk kembali kepada al-Qur'an dan Sunnah, iaitu dengan mengetahui isi kandungan dan maknanya agar ia dapat diaplikasikan dalam bentuk yang indah dan bermakna melalui penghasilan karya sastera.

(iv) Sastera Islam adalah sastera yang membina

Seperti yang sedia dimaklumi bahawa Islam mengiktiraf kepentingan sastera. Islam tidak pernah menghalang umatnya untuk terus berkarya asalkan ia menepati garis panduan yang telah ditetapkan oleh Islam. Perkara ini telah dijelaskan oleh Allah dalam firman-Nya dalam surah al-Shu'ara, ayat 224-227. Ayat-ayat ini dengan jelas memperlihatkan pengiktirafan Allah terhadap golongan karyawan serta sifat-sifat yang perlu dimiliki oleh mereka agar aktiviti pengkaryaan menepati kehendak Islam. Hakikatnya, keredhaan Allah adalah matlamat utama yang perlu dicapai oleh setiap Muslim termasuk para penulis karya sastera, dalam apa juga aktiviti yang dilakukan. Oleh itu, perlu menjadi ingatan bahawa setiap landasan yang ditetapkan Islam adalah bertujuan untuk melahirkan individu yang mematuhi perintah Allah, begitu juga kepada para penulis karya sastera. Batasan yang ditetapkan bukanlah bertujuan untuk menyempitkan skop perbincangan sastera tetapi ia bertujuan untuk memastikan faedah yang terkandung dalam karya tersebut selari dengan ajaran Islam. Justeru menurut al-Nadwi, Islam tidak sekali-kali memberi autonomi yang mutlak kepada manusia dalam setiap tindakan mereka. Hal ini kerana, ada kalanya manusia akan mengutamakan keseronokan yang boleh membawa kepada musnahnya kebahagiaan insan (al-Nadwi, 1985: 27). Perkara ini berlaku sekiranya manusia menuruti kehendak nafsu mengatasi tuntutan wahyu dan batasan kewarasan akal fikiran.

Pengamatan terhadap Sastera Islam akan mendapati bahawa sastera bukanlah bertujuan untuk hiburan dan keseronokan. Sastera Islam juga tidak bertujuan untuk menyemai perkara-perkara negatif dalam masyarakat seperti perbalahan, penipuan, penindasan dan sebagainya, bahkan Sastera Islam menyanggah semua perkara ini. Sastera Islam mempunyai peranan yang besar dalam meningkatkan taraf hidup masyarakat Islam. Justeru, pada zaman permulaan Islam, beberapa tema puisi seperti tema cinta yang terbuka (*al-ghazl*), kebanggaan (*al-fakhr*), penghinaan (*al-hija'*) dan ratapan (*al-marathi*) telah dimansuhkan (Osman Khalid, 1999: 163-164). Ini kerana tema-tema seperti ini tidak membawa sebarang manfaat malah boleh menjadi punca tercetusnya perbalahan dan peperangan dalam kalangan masyarakat. Perbalahan dan peperangan ini sudah pasti akan menjadikan Islam lemah dan dipandang hina oleh masyarakat sekeliling.

Sastera yang bercirikan Islam akan sentiasa membawa Islam ke tahap yang tertinggi serta membangunkannya mengatasi kepercayaan karut dan *khurafat* ciptaan manusia. Oleh sebab kepentingan sastera ini, dapat diperhatikan bahawa golongan khalifah di zaman kegemilangan Islam amat menitik-beratkan seni sastera untuk dipelajari dan dimanfaatkan oleh masyarakat seperti yang berlaku pada zaman Umayyah dan Abbasiyah. Perhatian yang tinggi terhadap seni sastera oleh go-

longan pemerintah membuktikan bahawa sastera bukan satu wadah untuk menyampaikan omongan kosong. Aktiviti penghasilan karya sastera juga bukan satu pekerjaan yang sia-sia dan membuang masa, tetapi ia merupakan kerja makruf iaitu membawa mesej berguna untuk masyarakat. Menurut Umar ibn al-Khattab, seni puisi mengajak manusia untuk memiliki akhlak dan sifat terpuji, pendapat yang bernas serta pengetahuan yang luas tentang ilmu berkaitan masyarakat Arab. Perkara ini dijelaskan menerusi kata-katanya yang bermaksud: “*Suruhlah sesiapa yang hampir dengan kamu untuk mempelajari puisi; sesungguhnya ia membawa kepada ketinggian budi pekerti, pendapat yang benar, dan maklumat mengenai salasilah keturunan.*” (al-Qayrawani, 1996: 43).

Pandangan Mohd. Affandi dan al-Nadwi: Satu Perbandingan

Pada bahagian ini, perbincangan akan tertumpu kepada titik persamaan antara pandangan Mohd. Affandi dan juga al-Nadwi tentang Sastera Islam. Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, kedua-dua orang tokoh ini telah membicarakan pengertian Sastera Islam menurut kaca mata masing-masing. Mereka telah mengetengahkan beberapa aspek penting yang perlu diambil perhatian secara serius dalam penghasilan karya Sastera Islam. Walaupun kedua-duanya hidup dalam dua buah benua yang berbeza, namun usaha al-Nadwi dan Mohd. Affandi dalam mengetengahkan Sastera Islam wajar dilihat sebagai satu usaha bersama yang diikat dengan tali akidah Islamiah. Dari satu sudut, usaha al-Nadwi yang dilihat sebagai seorang tokoh yang hidup dalam dunia kesusasteraan Arab, amat bertepatan bagi memelihara kesusasteraan tersebut daripada terus dipengaruhi oleh unsur atau ideologi yang bercanggah dengan Islam. Seperti yang sedia dimaklumi bahawa kesusasteraan Arab amat sinonim dengan Islam. Usaha Mohd. Affandi pula sebagai seorang penulis karya sastera dan pengkritik sastera Melayu menunjukkan bahawa dunia Melayu tidak ketinggalan dalam membincangkan perihal Sastera Islam. Titik persamaan pendapat antara kedua-dua tokoh ini akan membuktikan bahawa tiada sebarang percanggahan perkara asas tentang Sastera Islam. Keadaan ini kerana sumber dan asas Sastera Islam adalah satu iaitu al-Qur’an, sebuah Kitab panduan yang datang daripada Allah.

Secara asasnya, kedua-dua tokoh ini lebih mementingkan makna atau mesej yang terkandung dalam susunan perkataan sesebuah karya. Bagi mereka, mesej inilah yang dapat membantu manusia untuk memperbaiki segala kekurangan dalam kehidupan, malah pada sesetengah keadaan, ia dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh khalayak pembaca. Selain itu, kedua-dua tokoh ini dilihat amat mementingkan sistem pendidikan. Kegemilangan dan keruntuhan akhlak manusia bergantung kepada sistem pendidikan yang mencorak minda mereka. Jika kandungan sistem pendidikan itu baik, maka akan lahir manusia yang baik, begitulah sebaliknya. Maka jalan terbaik untuk mengatasi apa juga masalah berkaitan kehidupan ialah dengan merangka semula sistem pendidikan Islam sepertimana yang dicetuskan oleh Mohd. Affandi menerusi bukunya *Pendidikan Estetika daripada Pendekatan Tauhid*. Antara titik persamaan antara Mohd. Affandi dan al-Nadwi tentang Sastera Islam ialah seperti berikut:

(i) Penekanan terhadap mesej atau perutusan (ilmu)

Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, kedua-dua tokoh sepakat bahawa makna atau mesej yang terkandung dalam sesebuah karya sastera perlu diberi keutamaan daripada keindahan luaran karya tersebut. Karya Sastera Islam bukan sejenis karya yang menghidangkan keseronokan dan keindahan yang bersifat sia-sia, yang akan hilang daripada kotak pemikiran khalayak pembaca sejurus selepas tamat pembacaan mereka. Perkara ini berdasarkan kata-kata al-Nadwi:

“Inilah antara cubaan yang menggambarkan para karyawan lebih mengutamakan permainan kata-kata dalam karya mereka, mereka menjadikannya sebagai asas pengkaryaan mereka. Mereka bersaing dalam menguasai kemahiran ini, untuk membuktikan kehebatan dan ketinggian mereka, semata-mata untuk mencapai tujuan yang berbentuk peribadi.” (al-Nadwi, 1990: 21).

Manakala Mohd. Affandi pula menyatakan pendiriannya mengenai perkara ini menerusi tulisan beliau yang antara lain menyatakan:

“Para pelajar dan guru-guru mereka, akhirnya hanyut dalam perbahasan remeh-temeh mengenai aliterasi, asonansi, personafikasi, responsi, variasi; atau tenggelam dalam keghairahan bombastik ketika membicarakan isi-isi karya yang dangkal dan mentah dengan menggunakan retorik yang hebat-hebat untuk menggelembungkan sesuatu yang hakikatnya kosong. Krisis ini terlihat pula dalam pemilihan teks yang tidak bermutu atau yang mengandungi pengajaran yang negatif.” (Mohd. Affandi, 2005: 4).

Berdasarkan petikan kata daripada kedua-dua tokoh ini, jelas menunjukkan bahawa mereka menekankan aspek makna atau persuratan yang dibawa oleh teks karya sastera. Oleh itu, jelaslah seperti yang ditegaskan oleh Mohd. Affandi bahawa sastera haruslah berfungsi untuk menyampaikan ilmu yang benar dan berguna. Sastera bukan satu wadah untuk mendendangkan cerita yang tidak mampu melahirkan intelektual yang dituntut oleh agama dan keadaan semasa.

(ii) Hubungan antara sastera dengan kehidupan

Bagi al-Nadwī, perkara ini telah diperincikan dalam bukunya yang membicarakan perihal Sastera Islam. al-Nadwi telah memulakan perbincangan mengenai perkara ini dengan melontarkan pandangannya tentang kaitan sastera dengan kehidupan manusia. Sastera tidak dapat dipisahkan daripada realiti kehidupan dunia kerana ia secara langsung dapat membantu pembaca untuk memanfaatkan inti pati karya tersebut dalam kehidupan mereka. Tidak dapat dinafikan bahawa setiap insan di dunia pasti akan berhadapan dengan masalah kehidupan tersendiri. Justeru, sastera boleh memainkan peranan penting dengan memberi idea yang bernas dalam usaha menyelesaikan masalah tersebut, atau setidak-tidaknya meringankan bebanan masalah yang ditanggung. Dengan kata lain al-Nadwi menegaskan bahawa sastera itu bukan wadah untuk menghidangkan cerita kosong, tetapi ia menjelaskan sesuatu idea atau pandangan. Perkara ini dijelaskan oleh al-Nadwi melalui petikan, *“Dengan sastera, manusia akan lebih faham tentang erti kehidupan dan tahu bagaimana untuk memahami erti kehidupan itu.” (al-Nadwi, 1985: 17).*

Bagi Mohd. Affandi pula, perkara ini telah beliau jelaskan menerusi falsafah gagasan *Persuratan Baru* yang melibatkan pemahaman tentang hakikat dan fungsi sastera. Mohd. Affandi ada menjelaskan:

“...maka hakikat sastera haruslah ditakrif daripada segi fungsi hakiki manusia dan hakikat amalnya yang lahir daripada dua tugas hakikinya itu, dengan mengambil kira tujuan dan matlamat hidup insan.” (Mohd. Affandi, 1990: 31).

Walaupun tidak dapat dinafikan bahawa terdapat para penulis sastera yang memaparkan kisah realiti kehidupan dalam karya mereka, tetapi keadaan ini tidak cukup sekiranya metode penceritaan terus digunakan secara total tanpa menekankan soal ilmu melalui wacana. Hanya ilmu yang benar dapat melahirkan masyarakat yang lebih intelektual serta tidak hanyut dengan cerita yang hanya memaparkan aspek keindahan dan perincian luaran serta mengabaikan ilmu.

(iii) Pengiktirafan terhadap sastera klasik

Perkara ini bertitik-tolak kepada kesan yang berlaku dalam dunia sastera pada hari ini yang kebanyakannya terkesan dengan kesusasteraan Barat. Dalam dunia kesusasteraan Barat, sastera adalah wadah untuk memperoleh keseronokan dan hiburan. Oleh itu, karya-karya Barat memberi fokus yang besar kepada jalan ceritanya. Oleh itu, cerita yang disampaikan telah mendominasi ruang naratif karya tersebut, seterusnya mengabaikan mesej atau ilmu yang diperlukan oleh masyarakat. Justeru, pandangan Mohd. Affandi dan al-Nadwi amat tepat apabila menyarankan agar para penulis karya sastera kembali merujuk kepada karya-karya klasik yang sarat dengan mesej ilmiah berguna.⁷ Sastera pada satu ketika dahulu memang berperanan sebagai wadah utama penyampaian maklumat dan ilmu untuk masyarakat. Perkara ini dijelaskan oleh al-Nadwi seperti berikut:

“Sesungguhnya sastera yang asli (klasik) itu ialah yang memiliki keindahan dan kekuatan tersendiri, yang terkandung dalam khazanah kesusasteraan Arab silam. Sastera asli ini terbit lebih dahulu daripada sastera buatan. Ia telah dinukilkan dalam buku-buku hadis, sejarah sebelum terbitnya sastera buatan tersebut.” (al-Nadwi, 1985: 22).

Istilah “sastera asli” yang dimaksudkan oleh al-Nadwī ialah sastera klasik Arab yang bermula seawal zaman Jahiliah. Manakala menurut Mohd. Affandi, beliau mengiktiraf ketepatan sastera klasik dalam membawa mesej ilmu berbanding karya sastera Melayu moden yang banyak terdapat dalam pasaran hari ini. Perkara ini dijelaskan dalam buku Mohd. Affandi iaitu *Pendidikan Estetika daripada Pendekatan Tauhid*. Mohd. Affandi dilihat menyokong penelitian V.I. Braginsky yang memanfaatkan hasil kajian Syed Muhammad Naquib al-Attas. Ini diperjelaskan seperti berikut:

“...konsep keindahan dalam persuratan Melayu klasik sangat rapat hubungannya dengan konsep tauhid, yakni melihat segala sumber keindahan itu berpunca daripada Allah untuk mencerminkan sifat-sifat Jalal dan Jamal-Nya. Hampir semua hasil sastera

Melayu klasik dicipta dalam imej atau berdasarkan prinsip ini." (Mohd. Affandi, 1990: 32).

Secara jelas, kedua-dua tokoh telah berusaha untuk membawa para karyawan agar kembali merenung kehebatan sastera klasik yang mengutamakan penyampaian mesej atau ilmu kepada khalayak pembaca. Dalam dunia kesusasteraan Melayu, Mohd. Affandi dilihat mengiktiraf karya syair Hamzah Fansuri yang mewakili sastera Melayu klasik yang menyerlahkan ilmu atau makna melebihi struktur luarannya. Dalam bukunya *Pendidikan Estetika daripada Pendekatan Tauhid*, Mohd. Affandi bersetuju dengan pendapat V.I. Braginsky yang membuat kesimpulan bahawa sastera Melayu klasik adalah didaktik, dengan tugas utamanya untuk mengajar dan membentuk peribadi (Mohd. Affandi, 2005: 42-43). Sebenarnya, kesimpulan yang dibuat oleh V.I. Braginsky ini adalah bersandarkan kepada dapatan Syed Muhammad Naquib al-Attas ketika membicarakan asal usul syair Melayu dan sumbangan Hamzah Fansuri (Mohd. Affandi, 2005: 42). Dari sini, dapat dilihat bahawa Mohd. Affandi mengiktiraf peranan utama yang dimainkan oleh sastera Melayu klasik iaitu menyerlahkan makna atau ilmu dalam karya sastera. Hal ini semakin jelas apabila Mohd. Affandi dilihat memperakui kesimpulan penelitian V.I. Braginsky tentang estetika Melayu yang membuktikan bahawa para pengarang Melayu (yang berkaitan sastera Melayu klasik) cukup sedar tentang hakikat dan fungsi sastera sepertimana yang digariskan oleh Islam iaitu karya mestilah indah dan bermakna (Mohd. Affandi, 2005: 44). Perkara ini amat berbeza dengan karya sastera Melayu moden hari ini yang dilihat lebih mengutamakan cerita daripada ilmu yang ingin disampaikan. Ruang naratif karya sastera dipenuhi dengan cerita yang melibatkan perincian terhadap watak, latar dan sebagainya. Secara langsung, ia membuktikan bahawa para penulis lebih mementingkan keindahan luaran dan bukan perutusan atau mesej yang terkandung dalam karya tersebut.

Kesimpulan

Daripada perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa sastera berperanan sebagai antara wadah berkesan dalam proses penyampaian ilmu kepada masyarakat. Keperluan masyarakat terhadap karya sastera yang menyampaikan ilmu, memberi petunjuk bahawa ilmu boleh diperolehi melalui pelbagai sumber termasuk daripada bidang kesusasteraan. Karya sastera yang tidak mementingkan ilmu akan kelihatan kosong dan tidak akan memberi manfaat kepada masyarakat secara menyeluruh. Segala bentuk keindahan yang kosong daripada intipati ilmu dalam karya sastera, akan membuatkan masyarakat terus berada dalam kerugian. Justeru, wajar bagi para penulis untuk sentiasa memikirkan kaedah terbaik dalam pengkaryaan mereka agar ilmu dapat dipersembahkan kepada masyarakat dengan gaya yang menarik. Keadaan ini sebagaimana yang telah disebut oleh Allah di dalam al-Qur'an bahawa karyawan yang dibenci di sisi-Nya adalah mereka yang hanya berkarya dengan ungkapan kosong dan tidak memberi manfaat kepada masyarakat.

Daripada penelitian terhadap pandangan Mohd. Affandi dan al-Nadwi dalam makalah ini, jelas menunjukkan bahawa di peringkat asas atau falsafah, kedua-dua tokoh ini bersependapat bahawa Sastera Islam itu mempunyai kerangkanya yang

tersendiri dan ianya bersifat menyeluruh. Kerangka ini didasari oleh batas-batas yang ditetapkan oleh Islam. Secara jelas, tiga bentuk persamaan antara pandangan Mohd. Affandi dan al-Nadwi iaitu pertama: penekanan terhadap mesej atau perutusan, kedua: hubungan antara sastera dengan kehidupan dan ketiga: pengiktirafan terhadap sastera klasik; menunjukkan bahawa pandangan kedua-dua orang tokoh ini didasari oleh satu matlamat iaitu memperjuangkan perutusan atau ilmu dalam karya Sastera Islam. Hanya dengan ilmu yang benar, kehidupan manusia akan sentiasa dalam kebaikan. Inilah yang ditunjukkan dalam hasil karya sastera klasik dalam dunia kesusasteraan Islam yang merangkumi kesusasteraan Arab dan Melayu. Satu perkara jelas yang digambarkan melalui persamaan pandangan dua tokoh ini ialah Sastera Islam itu bersifat universal, tidak terbatas kepada tempat dan masa tertentu. Hal ini kerana matlamat sastera Islam itu jelas iaitu membawa manusia ke arah keredhaan Allah, tambahan pula sumber rujukan Islam itu disepakati oleh semua umatnya iaitu al-Qur'an dan Sunnah. Justeru tidak timbul sebarang kontradiksi yang jelas antara pandangan-pandangan pejuang Sastera Islam meskipun mereka berada di benua yang berbeza. Inilah yang dijelaskan dalam perbincangan makalah ini yang melibatkan pandangan Mohd. Affandi dan al-Nadwi tentang Sastera Islam.

Perlu dijelaskan sekali lagi, walaupun faktor pendesak (*push factor*) yang menyebabkan kedua-dua tokoh ini memperjuangkan idea Sastera Islam agak berbeza, ditambah pula dengan situasi sekeliling yang berbeza, namun kedua-duanya memberi fokus utama terhadap peri pentingnya bagi para penulis karya untuk mengutamakan ilmu dalam karya mereka. Ilmu ini yang harus diserlahkan kepada masyarakat dan bukannya cerita yang tertumpu pada aspek luaran. Dengan kata lain, Sastera Islam menitik-beratkan mesej serta kandungan sesebuah karya sastera. Namun, perlu ditegaskan sekali lagi bahawa hal ini tidak menafikan kepentingan struktur keindahan luaran dalam sesebuah karya. Selain itu, Sastera Islam tidak mungkin dipisahkan dengan cakerawala dan kehidupan, ia adalah sesuatu yang dekat dengan kehidupan manusia malah berfungsi sebagai satu elemen untuk meningkatkan taraf hidup insan serta menyelesaikan permasalahan yang berlaku dalam kehidupan seharian. Kesemua perkara yang ditekankan oleh Sastera Islam mengarah kepada satu tujuan utama iaitu mendekatkan masyarakat dengan Penciptanya. Sebab itu, jika kerja-kerja pengkaryaan dijalankan dengan penuh amanah, ikhlas, menepati ketetapan syarak, maka ianya akan dikira sebagai amal kebajikan yang mempunyai ganjaran yang tersendiri daripada Allah. Sesungguhnya, setiap apa yang ditulis dan dibaca mempunyai nilai tersendiri di sisi Allah.

Nota Hujung

¹ Penulis menggunakan istilah "Pemikiran Orientalis Barat" di sini bagi merujuk kepada beberapa situasi di mana para Orientalis Barat berusaha memisahkan unsur atau elemen agama dalam sastera sepertimana yang berlaku terhadap dalam kesusasteraan Arab. Perkara ini telah dirungkaikan oleh seorang pengkritik sastera Arab terkenal iaitu Shawqi Dayf apabila beliau menyatakan, pada pertengahan kurun ke-19, satu istilah baru telah muncul yang dikenali sebagai *al-adab al-khalil* (sastera tulen). Istilah ini merujuk kepada penekanan karyawan Arab pada ketika itu terhadap keindahan luaran sebuah karya sastera tanpa penekanan diberikan kepada mesej atau ilmu yang terkandung dalam teks karya tersebut. Dengan kata lain, fahaman ini menolak

sebarang unsur atau nilai agama dalam karya sastera. Kemunculan istilah *al-adab al-khalil* (sastera tulen) antara lain disokong oleh para sarjana seperti Taha Husayn yang mendapat pendidikan langsung dari seorang Orientalis Barat bernama Carlo Alfonso Nallino (1872-1938). Untuk mendapat maklumat lanjut tentang perkara ini, sila rujuk buku Shawqi Dayf bertajuk: *Tarikh al-Adab al-Arabi: al-Asr al-Jahili* (1982), cetakan Dar al-Ma'arif, Kaherah, halaman 10.

Selain itu, terdapat bukti menunjukkan sesetengah daripada karyawan Arab telah terpengaruh dengan pemikiran, ideologi dan konvensi sastera Barat apabila mereka memanfaatkan simbol-simbol Barat dan agama Kristian dalam kesusasteraan Arab-Islam. Simbol-simbol ini telah diguna dan diterima pakai secara selesa tanpa bantahan yang signifikan. Sebagai contoh ialah simbol salib, iaitu lambang penderitaan Jesus kerana menebus dosa pengikutnya. Simbol ini digunakan oleh para karyawan Arab-Islam dalam karya mereka. Lebih daripada itu, menurut Mahmud Muhammad Shakir, para pemuisi Arab yang menggunakan simbol salib dalam karya mereka mengatakan bahawa salib adalah satu simbol pengorbanan insan terhadap sesuatu perkara yang berharga. Abd al-Wahhab al-Bayati, seorang penyair berasal dari Iraq, adalah antara karyawan Arab yang kerap menggunakan simbol salib dalam karya puisinya. Sila rujuk tulisan Mahmud Muhammad Shakir bertajuk: *Mafahim Ghayr Islamiyah* (Kefahaman Yang Tidak Islamik) dalam *Majallat al-Adab al-Islami* (1415M), jilid 1, bil. 3, halaman 72-78. Artikel ini merupakan jawapan Mahmud Muhammad Shākir kepada pendapat Mu'ammad Mandur, iaitu seorang anak murid kepada Taha Husayn, yang mana beliau mengiktiraf penggunaan istilah-istilah berkaitan agama Kristian dalam karya sastera Arab khususnya seni puisi moden. Mu'ammad Mandūr berpendapat bahawa seorang Muslim seharusnya mengiktiraf semua agama samawi (agama yang menerima wahyu) sebagai sebahagian daripada warisan kerohanian.

² Semua maklumat berkaitan latar belakang Mohd. Affandi Hassan diperolehi daripada sebuah tesis ijazah Sarjana Sastera bertajuk: *Analisis Pemikiran dalam Espen-espen Mohd. Affandi Hassan* yang dihasilkan oleh Nahari Mastono Arukin. Tesis ini telah dikemukakan kepada Universiti Putra Malaysia pada November 2008. Tesis ini telah diselia oleh Prof. Madya Dr. Mohd. Zariat Abdul Rani, pensyarah di Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. Selain itu, maklumat tentang Mohd. Affandi juga diperolehi daripada ruangan "Biodata Penulis" yang termuat dalam karya-karya beliau sama ada yang bersifat ilmiah mahu-pun karya-karya kreatif.

³ Buku tulisan Mohd. Affandi Hassan bertajuk: *Pendidikan Estetika daripada Pendekatan Tauhid* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) telah dicetak dan diterbitkan buat kali pertama pada tahun 1992. Pada tahun 2005, pihak Dewan Bahasa dan Pustaka mengulang-cetak buku ini untuk kali kedua. Dalam penulisan makalah ini, penulis merujuk kepada buku *Pendidikan Estetika daripada Pendekatan Tauhid* bagi cetakan kedua (2005). Sebenarnya, kandungan utama buku ini yang ditulis oleh Mohd. Affandi Hassan telah tersiar dalam Majalah Dewan Sastera secara bersiri pada tahun 1990. Artikel Mohd. Affandi ini juga menjadi rujukan penulis dalam penulisan makalah ini.

⁴ Untuk mendapat pemahaman yang lebih menyeluruh tentang gagasan *Persuratan Baru*, sila rujuk Mohd. Affandi Hassan (1992), *Pendidikan Estetika daripada Pendekatan Tauhid*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka; Mohd. Affandi Hassan et al (2008), *Gagasan Persuratan Baru: Pengenalan dan Penerapan*, Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu, UKM; Ungku Maimunah Mohd. Tahir (2007), *Kritikan Sastera Melayu: Antara Cerita dengan Ilmu*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia; Ungku Maimunah Mohd. Tahir (2009), *Dinamika Pemikiran Sastera Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka; Ungku Maimunah Mohd. Tahir (2010), *Kedudukan Ilmu dalam Kesusasteraan: Teori dan Praktis*, Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu, UKM; dan Mohd Zariat Abdul Rani (2004), *Seksualiti dalam Novel Melayu: Satu Analisis Teks Berdasarkan Persuratan Baru*, tesis yang dikemukakan untuk memperoleh ijazah Doktor Falsafah, Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.

⁵ Istilah "ruang naratif" telah diperkenalkan oleh Prof. Dr. Ungku Maimunah Mohd. Tahir ketika menyelia tesis kedoktoran Mohd. Zariat Abdul Rani bertajuk *Seksualiti dalam Novel-novel Melayu: Satu Analisis Teks Berdasarkan Persuratan Baru*, Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia, 2004. Istilah ini merupakan satu kaedah perungkaian teks sastera

bagi menentukan sama ada sesuatu karya itu didominasi oleh ilmu atau cerita. Ia telah disesuaikan dengan gagasan *Persuratan Baru* sebagai satu usaha murni untuk memperluas gagasan tersebut.

⁶ Sila rujuk laman web Pertubuhan Sastera Islam Sedunia (*Rabitah al-Adab al-Islami al-'Alamiyah*): <http://www.adabislami.org/index.php/التعريف>

⁷ Untuk penjelasan lanjut berkaitan karya-karya klasik dalam dunia kesusasteraan Melayu, sila rujuk buku bertajuk *Tokoh-tokoh Sastera Melayu Klasik*, yang diselenggara oleh Mohamad Daud Mohamad (1987), terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Rujukan

- Al-Basha, Abd al-Rahman Ra'fat (1998). *Nahw Madhhab Islāmi fi al-Naqd wa al-Adab*. Kaherah: Dar al-Adab al-Islami.
- Dayf, Shawqi (1982). *Tarikh al-Adab al-Arabi: al-Asr al-Jahili*. Kaherah: Dar al-Ma'arif.
- Al-Ghuri, Sayyid Abd al-Majid (2005). *Abu al-Hasan al-Nadwi: al-Imam al-Mufakkir al-Da'iyah al-Murabbi al-Adib*. Beirut: Dar Ibn al-Kathir.
- Husayn, Taha (1991). *Min Tarikh al-Adab al-Arabi: al-Asr al-Jahili wa al-Asr al-Islami*. Beirut: Dar al-'Ilm li al-Malayin.
- Al-Kilāni, Najib (T.th). *Madkhal ila al-Adab al-Islami*. Beirut: Mu'assasat al-Risalah.
- Mohamad Daud Mohamad (1987). *Tokoh-tokoh Sastera Melayu Klasik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Affandi Hassan (1990). Pendidikan Estetika daripada Pendekatan Tauhid. *Dewan Sastera*, Januari, 31-35.
- Mohd. Affandi Hassan (2004, September). Kesusasteraan Melayu Di Persimpangan Jalan: Anti-intelektualisme, Hasad, Pandirisme. Kertas kerja disampaikan di *Wacana Ilmiah DAMAI (Dunia Melayu dan Islam)*, Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Affandi Hassan (2005). *Pendidikan Estetika daripada Pendekatan Tauhid* (Ed. ke-2). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Affandi Hassan, Ungku Maimunah Mohd. Tahir & Mohd Zariat Abdul Rani (2008). *Gagasan Persuratan Baru: Pengenalan dan Penerapan*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu, UKM.
- Al-Nadwi, Abu al-Hasan Ali al-Hasani (1985). *al-Adab al-Islami wa Sillatuhu bi al-Hayah*. Beirut: Mu'assasat al-Risalah.
- Al-Nadwi, Abu al-Hasan Ali al-Hasani (1990). *Nazarat fi al-Adab*. Beirut: Mu'assasat al-Risalah.
- Nahari Mastono Arukin (2008). *Analisis Pemikiran dalam Espen-espen Mohd. Affandi Hassan*. Tesis Ijazah Sarjana Sastera. Universiti Putra Malaysia, Malaysia.
- Nurazmi Kuntum (1991). *Teori dan Pemikiran Sastera Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Osman Khalid (1999). *Kesusasteraan Arab Zaman Permulaan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Qayrawani, Abi Ali al-Hasan Rashiq (1996). *al-'Umdah fi Mahasin al-Shi'r wa Adabihi*. Beirut: Dar wa Maktabat al-Hilal.
- Qutb, Muhammad (T.th). *Manhaj al-Fan al-Islami*. Beirut: Dar al-Shuruq.
- Shakir, Mahmud Mu'ammad (1415H). Mafahim Ghayr Islamiyah. *Majallat al-Adab al-Islami*, Muharam, 72-78.

- Sheikh Abdullah Basmeih (2008). *Al-Qur'an al-Karim, Mushaf Tajwid Berserta Terjemahan ke dalam Bahasa Melayu* (Ed. ke-5). Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Tariq, Muhammad (1421H). Al-Shaykh Abu al-Hasan al-Nadwi: Mujaz 'an Hayatihi wa Aham Mu'allafatih. *Majallat al-Adab al-Islami*, jil. 7, bil. 26 dan 27: 7-11.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir (1989). The Notion of Dakwah and its Perceptions in Malaysia's Islamic Literature of the 1970s and '80s". *Journal of Southeast Asian Studies*. Vol. XX, No. 2: 288-297.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir (2009). *Dinamika Pemikiran Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir (2010, Oktober). Wanita Sebagai Objek Seks: Persepsi dan Pengungkapannya dalam Novel "Bila Hujan Malam" Oleh Azizi Haji Abdullah. Kertas kerja disampaikan di *Seminar Antarabangsa Bersama Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universitas Indonesia (SEBUMI 3)*, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.